

KOVO 12/1/2023



NORLISAM (dua dari kanan) bersama Ruzairi memeterai MoU di Kampus UTHM Pagoh, Muar kelmarin.

SWM perkasa kerjasama di semua IPT

MUAR – Syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pemberian awam, SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) berhasrat untuk memperkasa-

kan kerjasama dengan semua institut pengajian tinggi (IPT) di bawah seliaan mereka.

Pengurus Besar Korporatnya, Mohd. Norlisam Mohd. Norjin berkata, melalui hubungan strategik itu, ia berupaya memantapkan lagi kelestarian alam dalam kalangan pelajar, sekali gus menimbulkan kesedaran ke-

pada kumpulan komuniti.

Katanya, setakat ini, IPT yang berkerjasama erat dengan pihaknya adalah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTEM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Negeri Sembilan.

Bagaimanapun, UTHM adalah yang pertama memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan SWM.

“Sehingga kini, SWM melakukan sambutan lebih 30 program dengan kejatasama UTHM cawangan Batu

Pahat dan Pagoh yang mendorong kutipan sehingga 2,873kg barang kitar semula membabitkan 1,123 pelajar,” katanya pada Majlis Menandatangani MoU Antara UTHM dan SWM di Kampus UTHM dan SWM di Kampus UTHM Pagoh di sini kelmarin.

Naib Canselor UTHM, Prof. Dr. Ruzairi Abdul Rahim pula berkata, hubungan dua pihak antara pihaknya bersama syarikat konsesi itu akan terus dimantapkan dengan pelbagai aktiviti berkaitan dalam usaha menjaga alam sekitar.